

Headline	Kes jangkitan baharu HIV turun 50 peratus dalam tempoh 11 tahun		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	25 May 2014	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	8	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 244
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 732



Kes jangkitan baharu HIV turun 50 peratus dalam tempoh 11 tahun

KUALA LUMPUR: Kes baharu jangkitan HIV di Malaysia mencatatkan penurunan lebih 50 peratus dalam tempoh 11 tahun iaitu daripada 6,978 kes dilaporkan pada 2002 kepada 3,393 kes pada tahun lepas, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Beliau berkata kes baharu jangkitan HIV dalam kalangan pengguna dadah yang menggunakan kaedah menyuntik iaitu golongan berisiko tinggi dijangkiti HIV yang sebelum ini mencatatkan jumlah tertinggi, turut mencatatkan penurunan secara konsisten.

“Ini adalah hasil program Pengurangan Kemudaratan (Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan dan Terapi Gantian Metadon) yang dilancarkan secara bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis AIDS Malaysia serta ahli gabungan pada 2006.

“Sejak program tersebut dilancarkan, jangkitan baharu HIV setiap tahun di kalangan pengguna dadah juga telah menurun daripada 53 peratus pada tahun 2006 kepada hanya 22 peratus tahun lepas - penurunan lebih separuh dalam tempoh masa yang amat singkat,”

katanya dalam ucapan pada perasmian mesyuarat dwitahunan kali ke-12 Majlis AIDS Malaysia di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.

Dr Subramaniam berkata kerajaan yakin akan dapat mencapai Matlamat Pembangunan Milenium yang meletakkan sasaran membasmi 11 jangkitan baharu bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015.

Beliau menambah dalam meraikan pencapaian yang amat positif ini, Malaysia tidak seharusnya lupa akan situasi yang semakin serius yang membelenggu epidemik HIV di Malaysia iaitu peningkatan jangkitan HIV disebabkan transmisi seksual.

Dr Subramaniam berkata seks dalam konteks HIV merupakan satu isu yang amat sensitif dan kompleks untuk ditangani, justeru beliau meminta pegawai kementerian berusaha dengan giat bagi mencari kaedah penyelesaian yang menyeluruh dalam membanteras jangkitan melalui seksual. -Bernama